



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR bersama Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah serta Tunku Ismail Sultan Ibrahim hadir dalam Majlis Jamuan Teh di Laman Tasek, Kluang, Johor, semalam. - MINGGUAN/RAJA JAAFAR ALI**

# Sultan Johor berangkat ke jamuan teh di Kluang

**KLUANG** 4 April - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Teh bersama rakyat di sini hari ini.

Majlis yang berlangsung tepat pukul 3 petang di Laman Tasik, Kluang itu diadakan bersempena Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor yang diadakan pada 23 Mac lalu.

Berangkat sama ke majlis itu, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan isterinya, Che' Puan Khaleeda Bustamam

serta anakanda-anakanda lain.

Keberangkatan Sultan dan Permaisuri Johor disambut hampir 10,000 rakyat pelbagai kaum yang teruja menyambut baginda berdua biarpun dalam keadaan cuaca panas terik.

Dalam majlis itu, Sultan Ibrahim turut meluangkan masa untuk beramah mesra dan bersalamahan dengan rakyat jelata yang hadir.

Raja Zarith Sofiah pula berkenan menyampaikan kurniaian bungkusan dan sumbangan wang tunai kepada seramai 20 pelatih Pusat Latihan Dalam Komuniti

(PDK) Kluang dan golongan miskin lain.

Yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; barisan Exco kerajaan negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim dan Pegawai Daerah Kluang, Mohamad Fuad Radzuan.

Majlis yang berlangsung kira-kira sejam itu diserikan dengan pelbagai persembahan tarian dan kebudayaan serta nyanyian termasuk Ameng Spring, selain orang ramai dihidangkan pelbagai sajian istimewa termasuk martabak, roti jala dan mi rebus.